


Surat khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 8/11/2016
Muka surat: 6

Tajuk : 10 pelajar UNIMAS terima Anugerah Cemerlang Zeccon



TAHNIAH ... Para pelajar UNIMAS yang menerima Anugerah Kecemerlangan ZECON 2016 (berdiri di barisan belakang) bergambar bersama dengan Jamel Ibrahim (duduk barisan tengah) dan tetamu kehormat lain.

10 pelajar UNIMAS terima Anugerah Cemerlang Zeccon

KOTA SAMARAHAN: Anugerah Cemerlang Zeccon oleh ZECON Berhad kepada pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berlangsung pada Jumaat lepas bertempat di Staff Lounge, Rumah Universiti, UNIMAS.

Anugerah Cemerlang Zeccon disampaikan oleh Pengarah Urusan Cawangan ZECON Berhad Jamel Ibrahim (Zeccon Energy & Zeccon Fab).

Turut hadir Penolong Naib Canselor (Ketenteraan Industri dan Komuniti) Professor Madya Dr Mohd Ibrahim Safawi dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Profesor Madya Dr-Al-Khatib Othman.

Majlis ini menandakan 15 tahun kerjasama antara Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS bersama ZECON Berhad sememjak ia dipertingkatkan pada 2002.

Anugerah Cemerlang Zeccon merupakan tanggungjawab sosial korporat ZECON di dalam menyediakan anugerah kece-merlangan akadermik bagi meng-galakkan pencapaian cemer-lang di UNIMAS terutamanya di kalangan pelajar-pelajar Fakulti

Kejuruteraan, UNIMAS.

Tahun ini, sepuluh pelajar kejuruteraan telah dipilih untuk menerima anugerah di mana dua masing-masing daripada Pro-gram Kejuruteraan Awam, Pro-gram Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Program Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dan Program Kejuruteraan Ele-ktroik (Komputer) dan Program Kejuruteraan Kimia.

Di dalam majlis tersebut, pel-ajar-pelajar Program Kejuruteraan Awam yang menerima anugerah ialah Nurul Izzati binti Ahmat @ Ibrahim dan Phillip Anak Owen.

Penerima-penerima daripada Program Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan ialah Starterd Jenta Anak Sanada dan Normaia Binti Saleem. Daripada Program Kejuruteraan Elektronik (Tele-komunikasi) adalah Fatimah Al Zahra binti Zulkipri dan Phillydy Phiora anak Peter.

Seterusnya daripada Program Kejuruteraan Elektronik (Kom-puter) ialah Aushley Lewis anak Uhang dan Suryadi Bin Ahmad. Daripada Program Kejuruter-aan Kimia ialah Unevist Nisien

Anak Tiri dan Amali Bin Musta-fa. Penerima-penerima anugerah ini merupakan para pelajar yang memamerkan prestasi cemer-lang dalam bidang akademik di samping aktiviti kokurikulum sepanjang pembelajaran mereka di UNIMAS.

Syankat ZECON Berhad turut mengekalkan sokongan mereka di dalam bidang akademik den-gan menawarkan biasiswa kepa-da pelajar UNIMAS dan juga kepada pelajar universiti tern-patan yang lain sebagai motivasi untuk para pelajar agar cemer-lang semasa di universiti.

Setakat ini, terdapat empat jabatan telah diwujudkan di bawah Fakulti Kejuruteraan bagi peringkat Prasiswazah iaitu Jabatan Kejuruteraan Sivil, Jabatan Kejuruteraan Meka-nikal dan Pembuatan, Jabatan Kejuruteraan Elektrikal dan Elek-tronik dan Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Sustainabiliti Tena-ga. Pada April 2014, Lembaga Akreditasi Kejuruteraan Malay-sia telah memberi pengiktira-tan 5 tahun pada dua program iaitu program Sarjana Muda

Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Sivil) dan Sar-jana Muda dengan Kepujian (Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan). Manakala dua program lain mendapat 3 tahun pengiktirafan iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)Elektronik (Telekomunikasi) dan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik (Komputer).

Selain daripada itu, Fakul-ti Kejuruteraan juga menawar-kan program peringkat Sarjana Kejuruteraan Awam secara kerja kursus di samping program Sarja-na dan Doktor Falsafah menerusi penyelidikan.

UNIMAS mengalu-alukan penyertaan industri tempatan dan luar negeri untuk beker-jasama dalam pengajaran dan penyelidikan ataupun sumban-gan kewangan.

Fakulti Kejuruteraan UNIMAS juga akan memainkan peranan dengan menyumbang ke arah kualiti budaya yang tinggi bagi memenuhi keperluan negara di dalam pembangunan infrastruk-tur, keluaran industri dan sumber manusia terfath.